



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2011/2012**

- NAMA KURSUS** : **PENGANTAR KENEGARAAN DAN
PEMBANGUNAN MALAYSIA**
- KOD KURSUS** : **UWS 10403/ UMS 1133**
- PROGRAM** : **1 DAM/ DAE/ DDM/ DAA/ DAC/
DAT/ DAI**
2 DAM/ DDM/ DAT/ DDT
- TARIKH PEPERIKSAAN** : **OKTOBER 2011**
- JANGKA MASA** : **2 JAM 30 MINIT**
- ARAHAN** : **A) JAWAB SEMUA SOALAN
DALAM BORANG OMR YANG
DISEDIAKAN DENGAN
MENGGUNAKAN PENSIL 2B
SAHAJA**
- B) DILARANG MEMBAWA
KERTAS SOALAN INI KELUAR
DARI DEWAN PEPERIKSAAN**

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA PULUH EMPAT (24) MUKA SURAT

S1 Antara berikut, yang manakah ciri konsep asas sebuah negara?

- A Setiap negara mempunyai kerajaannya yang tersendiri
- B Setiap negara memiliki penduduk yang tetap jumlahnya
- C Setiap negara boleh memiliki satu perlembagaan sahaja
- D Setiap negara tidak perlu mempunyai sempadan yang ditetapkan dan diiktiraf

Soalan 2 berdasarkan Pernyataan 1 di bawah

Pernyataan 1

- Kekuasaan yang tertinggi.
- Berkuasa atau berhak sepenuhnya di atas urusan atau pemerintahan sendiri.

S2 Pernyataan di atas merujuk kepada definisi

- A kesopanan
- B kedaulatan
- C kedamaian
- D keharmonian

S3 Elemen-elemen penting dalam sesebuah negara adalah seperti berikut **kecuali**

- A tanah
- B bangsa
- C kerajaan
- D sempadan

Soalan 4 berdasarkan Jadual 1 di bawah

Jadual 1

| Kerajaan A | Kerajaan B |
|-------------------|-------------|
| • Gangga Negara | • Perlak |
| • Kuala Selinsing | • Samudera |
| • Jenderam Hulu | • Majapahit |

S4 Kerajaan A dan B adalah contoh kerajaan Melayu Awal di Kepulauan Melayu.

Kerajaan A dan B merujuk kepada

- A kerajaan kecil dan empayar
- B kerajaan besar dan empayar
- C kerajaan kecil dan kerajaan besar
- D kerajaan besar dan kerajaan kecil

Soalan 5 berdasarkan Jadual 2

Jadual 2

| Aktiviti Ekonomi | Ekonomi sara diri dan aktiviti pertanian |
|---------------------|--|
| Teknologi peralatan | Alatan berasaskan batu (semakin licin), alat-alat tembikar, alatan dari tulang dan cengkerang. |
| Kawasan penempatan | Gua Musang, Kelantan, Gua Kepah, Kedah, Gua Madai, Sabah dan lain-lain. |

S5 Jadual 2 merujuk kepada keadaan pada

- A Zaman Logam
- B Zaman Neolitik
- C Zaman Mesolitik
- D Zaman Paleolitik

S6 Berikut merupakan sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.

- A Sultan, Pembesar Empat, Pembesar Lapan, Pembesar Dua Belas
- B Sultan, Pembesar Lapan, Pembesar Empat, Pembesar Tiga Puluh Dua
- C Pembesar Empat, Pembesar Dua Belas, Sultan, Pembesar Tiga Puluh Dua
- D Sultan, Bendahara, Syahbandar, Pembesar bergelar Raja, Pembesar peringkat rendah

Soalan 7 berdasarkan Pernyataan 2 di bawah

Pernyataan 2

Berperanan menguruskan soal pentadbiran negeri dan jajahannya, sebagai pemangku raja semasa raja ke luar negara.

S7 Pernyataan di atas merujuk kepada tanggungjawab

- A Bendahara
- B Laksamana
- C Syahbandar
- D Penghulu Bendahari

S8 Pemerintahan Empayar Kesultanan Melayu Melaka adalah secara raja berkuasa mutlak.

Apakah yang dimaksudkan dengan raja berkuasa mutlak?

- A Pemerintahan raja adalah secara simbolik
- B Kedaulatan raja disandarkan kepada Islam
- C Kedudukan dan hak raja tidak boleh dipersoalkan
- D Kekuasaan raja adalah didasarkan kepada perlembagaan

S9 Mengapakah orang Melayu tidak mahu berkongsi negeri dengan kaum bangsa Asing ?

- A Mereka benci bangsa asing
- B Tanah Melayu adalah tanah air mereka
- C Ingin menjadikan Islam sebagai agama rasmi
- D Pengalaman zaman Jepun dan Bintang Tiga

S10 Pilih padanan yang salah.

| | Kuasa Penjajah | Tempoh Masa Penjajahan |
|---|-----------------------|-------------------------------|
| A | Jepun | 4 Tahun |
| B | British | 120 Tahun |
| C | Belanda | 183 Tahun |
| D | Portugis | 130 Tahun |

Soalan 11 berdasarkan Pernyataan 3 di bawah

Pernyataan 3

Kegiatan perdagangan di Nusantara sehingga ke lautan Hindi, Arab, Eropah dan Afrika.

S11 Pernyataan di atas merujuk kepada catatan yang diambil daripada sumber tertentu mengenai kewujudan kerajaan awal di Kepulauan Melayu.

Catatan di atas diambil daripada sumber

- A Cina
- B Arab
- C India
- D Yunani

S12 Apakah tujuan **utama** Belanda menjalankan dasar perluasan kuasa ke rantau Kepulauan Melayu?

- A Menyekat pengaruh British di Tanah Melayu
- B Menyaingi kuasa Portugis di rantau Nusantara
- C Menguasai perdagangan rempah di Kepulauan Melayu
- D Menjalinkan hubungan dua hala dengan kerajaan di Kepulauan Melayu

S13 Tugas **utama** penasihat Inggeris yang dipanggil Residen ialah

- A bertindak sebagai pentadbir utama sesebuah negeri dan wajib dipatuhi rakyat
- B menasihati sultan dalam hal ehwal pentadbiran kecuali adat istiadat dan agama Islam
- C mencampuri urusan adat istiadat melayu dan agama Islam serta memungut cukai menggantikan tugas pembesar
- D mentadbir negeri secara lebih sistematik dan menjimatkan kos serta meningkatkan hasil kekayaan negara

S14 Dasar campur tangan secara langsung dan rasmi di Tanah Melayu bermula dengan peristiwa berikut.

Apakah peristiwa yang mendorong kepada campur tangan secara langsung dan rasmi di Tanah Melayu?

- A Perjanjian Pangkor
- B Francis Light menduduki Pulau Pinang
- C Stamford Raffles menduduki Singapura
- D Perjanjian Burney antara kerajaan British dan Siam

S15 Untuk melindungi dan memperkembangkan perdagangan, British pada 1826 telah menyatukan Pulau Pinang, Melaka dan Singapura ke dalam satu unit pentadbiran yang dikenali sebagai

- A Negeri-Negeri Selat
- B Negeri-Negeri Bersekutu
- C Negeri-Negeri Borneo Utara
- D Negeri-Negeri Tidak Bersekutu

S16 Bilakah Jepun menyerang Tanah Melayu?

- A 8 Oktober 1941
- B 8 Disember 1941
- C 8 September 1941
- D 8 November 1941

S17 Golongan berpendidikan agama telah menerbitkan majalah yang memperjuangkan reformasi Islam.

Majalah tersebut ialah

- A Neracha
- B Al-Imam
- C Pengasuh
- D Al-Ikhwan

S18 Apakah kesan penjajahan Jepun dari aspek politik terhadap masyarakat Tanah Melayu?

- A Kesedaran berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan
- B Nilai matawang jatuh berpunca dari tiada kawalan percetakan
- C Masalah kesihatan yang meruncing disebabkan kurang bekalan perubatan
- D Perusahaan bijih timah lumpuh akibat kemusnahan kawasan perlombongan

S19 Kemasukan orang-orang Cina ke negeri Johor sebelum merdeka pada pemerintahan British untuk mengerjakan perusahaan lombong dan perniagaan di Tanah Melayu.

Kaedah kemasukan tersebut adalah melalui Sistem

- A Cukai
- B Barter
- C Kangchu
- D Kangany

S20 Kolonialisme ditakrifkan sebagai

- A dasar penjajahan yang mementingkan imperialisme
- B bentuk penguasaan masyarakat kepada masyarakat lain
- C bentuk pemerintahan kuasa asing dalam menjalankan polisi imperialisme
- D kawalan kuasa ke atas sebuah negara dengan secara langsung ataupun tidak

S21 Tujuan penubuhan Suruhanjaya Cobbold pada 1961 ialah untuk

- A menggubal perlembagaan Malaysia
- B mengkaji ancaman komunis di Kepulauan Borneo
- C meninjau pendapat rakyat Singapura tentang gagasan Malaysia
- D meninjau pendapat orang Sabah dan Sarawak tentang gagasan Malaysia

S22 Parti dibawah merupakan parti politik pertama di Borneo yang menyokong penubuhan Malaysia

- A Parti Negara Sarawak (PANAS)
- B Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP)
- C Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP)
- D Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA)

S23 Hak istimewa untuk kaum bumiputera meliputi semua

- A rakyat Malaysia
- B orang Melayu di Malaysia
- C kaum peribumi di Sabah dan Sarawak sahaja
- D orang Melayu dan rakyat peribumi di Sabah dan Sarawak sahaja

S24 Mengapakah British memperkenalkan Malayan Union?

- A Ingin mewujudkan bangsa Malayan Union
- B Menyediakan Tanah Melayu dimiliki bersama oleh semua kaum
- C Mengurangkan politik orang Melayu dengan pentadbiran British baru.
- D Dasar-dasar British sebelum ini masih mengiktiraf Tanah Melayu sebagai negeri Melayu

Soalan 25 berdasarkan Pernyataan 4 di bawah

Pernyataan 4

- Menerima kedudukan istimewa orang Melayu
- Mempersetujui syarat kerakyatan yang longgar

S25 Pernyataan di atas adalah merujuk kepada memorandum yang dihantar kepada Suruhanjaya Reid oleh parti

- A UMNO
- B Perikatan
- C MCA dan MIC
- D UMNO dan MCA

S26 Bilakah pilihan raya Majlis Tempatan pertama diadakan?

- A 1951
- B 1952
- C 1954
- D 1955

Soalan 27 berdasarkan Pernyataan 5 di bawah

Pernyataan 5

| |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Pemimpin pertama : Dato' Onn Jaafar • Tarikh ditubuhkan : 11 Mei 1946 • Matlamat awal : Menyatupadukan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu |
|---|

S27 Pernyataan di atas merumuskan penubuhan sebuah parti politik yang dikenali sebagai

- A Parti Islam Se-Malaya (PAS)
- B Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP)
- C Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA)
- D United Malays National Organization (UMNO)

Soalan 28 berpandukan Jadual 3 di bawah.

Jadual 3

| Sistem Ahli | Sistem Kabinet |
|-------------|----------------|
| Ahli | Menteri |
| X | Pilihanraya |

S28 X merupakan cara untuk menjadi Ahli. X ialah

- A dipilih oleh rakyat
- B dilantik oleh sultan
- C dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi
- D dilantik oleh Majlis Raja-Raja Melayu

S29 Kesan daripada peristiwa 13 Mei 1969, peralihan politik pada 17 Mei 1969 telah bertukar daripada pimpinan Tuanku Abdul Rahman kepada MAGERAN.

MAGERAN merujuk kepada

- A Majlis Gerakan Negara
- B Majlis Perpaduan Negara
- C Majlis Integrasi Nasional
- D Jabatan Intergrasi Nasional

S30 Apakah yang dimaksudkan dengan perlembagaan?

- A Undang-undang tertinggi yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan
- B Undang-undang tertinggi yang tidak boleh dipinda yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan
- C Undang-undang tertinggi yang boleh dipinda sewenang-wenangnya yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan
- D Undang-undang tertinggi yang digubal oleh parti yang memenangi pilihan raya yang menjadi asas kepada pembentukan sesebuah kerajaan

Soalan 31 berdasarkan Pernyataan 6 di bawah

Pernyataan 6

- Diperkenalkan oleh Tun Abdul Razak Hussein
- Dicituskan ekoran berikutan peristiwa 13 Mei 1969
- Mempunyai matlamat serampang dua mata iaitu membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat

S31 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Dasar Ekonomi Baru
- B Dasar Wawasan Negara
- C Dasar Pecah dan Perintah
- D Dasar Pembangunan Nasional

Soalan 32 berdasarkan Pernyataan 7 dibawah

Pernyataan 7

- Membentuk sebuah Negara bangsa bersatu padu
- Membentuk masyarakat bersifat sains serta progresif
- Menjamin pembentukan masyarakat yang adil ekonominya

S32 Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Wawasan 2020
- B Pelan Induk Perindustrian
- C Dasar Perpaduan Nasional
- D Dasar Pembangunan Nasional

S33 Siapakah Ketua Negara Malaysia?

- A Perdana Menteri
- B Ketua Polis Negara
- C Ketua Hakim Negara
- D Yang di-Pertuan Agong

S34 Raja Berperlembagaan merujuk kepada

- A Raja berkuasa penuh dalam hal ehwal pentadbiran
- B Raja memiliki kuasa mutlak dalam meminda perlembagaan
- C Kuasa Raja diwakilkan kepada kabinet yang diketuai oleh Perdana Menteri
- D Perdana Menteri mempunyai kuasa yang lebih tinggi daripada raja dan raja hanya mempunyai kuasa dalam bidang agama Islam sahaja

Soalan 35 berdasarkan Pernyataan 8 di bawah

Pernyataan 8

| |
|---|
| Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) mengambil masa selama 20 tahun untuk dilaksanakan |
|---|

S35 Berdasarkan pernyataan di atas, bilakah RRJP1 dilaksanakan?

- A. Rancangan Malaya Ke-2 sehingga Rancangan Malaysia Ke-3
- B. Rancangan Malaysia Ke-2 sehingga Rancangan Malaysia Ke-5
- C. Rancangan Malaysia Ke-3 sehingga Rancangan Malaysia Ke-6
- D. Rancangan Malaysia Pertama sehingga Rancangan Malaysia Ke-4

S36 Yang manakah antara berikut menerangkan Doktrin Pengasingan Kuasa secara jelas?

- A Pengasingan kuasa antara Parlimen dengan Kabinet
- B Pengasingan kuasa antara Kabinet dengan kementerian-kementerian
- C Pengasingan kuasa antara Mahkamah Atasan dan Mahkamah Rendah
- D Pengasingan kuasa antara badan eksekutif, badan perundangan dan badan kehakiman

Soalan 37 berdasarkan Pernyataan 7 di bawah

Pernyataan 9

Doktrin pengasingan kuasa bermaksud badan yang membuat undang-undang hanya dibenarkan membuat undang-undang dan tidak boleh menyerahkan kuasa itu kepada badan-badan lain

S37 Pernyataan di atas merujuk kepada doktrin pengasingan kuasa yang diperkenalkan oleh

- A A.D Smith
- B Mostesqeu
- C K.C Wheare
- D J.S Furnivall

S38 Majlis Perbandaran Batu Pahat adalah salah satu contoh

- A Kerajaan Pusat
- B Badan Berkanun
- C Kerajaan Tempatan
- D Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

S39 Berikut merupakan tanggungjawab utama warganegara **kecuali**

- A menghayati rukun negara
- B menghormati kontrak sosial
- C menghormati budaya bangsa asing
- D memahami dasar pembangunan negara

Soalan 40 berdasarkan Rajah 1 di bawah

| |
|----------------------------------|
| Parlimen dibubarkan |
| Menetapkan tarikh pengundian |
| Hari Penamaan Calon |
| Y |
| Keputusan pilihan raya diumumkan |

RAJAH 1

- S40** Rajah 1 di atas berkaitan dengan proses pilihan raya di Malaysia. Simbol Y merujuk kepada
- A hari mengundi
 - B Suruhanjaya Pilihan Raya mengumumkan senarai nama calon yang bertanding
 - C semakan daftar pemilih untuk memastikan nama pengundi yang layak ada dalam daftar memilih
 - D perletakan jawatan Perdana Menteri dan anggota kabinet bagi membolehkan sebuah kerajaan sementara dibentuk, sebelum keputusan pilihan raya diketahui
- S41** Pada peringkat manakah sesuatu rang undang-undang akan dikemukakan kepada Dewan Rakyat untuk diluluskan selepas kajian terperinci dilaksanakan?
- A Bacaan Kali Kedua
 - B Bacaan Kali Ketiga
 - C Bacaan Kali Pertama
 - D Peringkat Jawatankuasa
- S42** Aktiviti pertanian di Tanah Melayu sebelum mencapai kemerdekaan adalah memfokus kepada
- A getah
 - B padi dan getah
 - C gambir dan lada hitam
 - D kelapa sawit dan lada hitam

- S43** Apakah langkah yang diambil di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang 1 untuk membasmi kemiskinan?
- A Mengurangkan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi
 - B Pembangunan sumber manusia bagi mewujudkan tenaga yang cekap
 - C Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera
 - D Menambahkan daya pengeluaran dan pendapatan melalui teknik moden

Soalan 44 berdasarkan Pernyataan 10 di bawah

Pernyataan 10

- Melahirkan industri sokongan
- Meningkatkan aktiviti dalam sektor perindustrian
- Memperkenalkan teknologi tinggi dalam sektor perindustrian

- S44** Yang manakah antara dasar berikut merujuk kepada pernyataan tersebut?
- A Dasar Ekonomi Baru
 - B Dasar Perindustrian Berat
 - C Pelan Induk Perindustrian
 - D Dasar Peningkatan Daya Pengeluaran Negara
- S45** Pembasmian kemiskinan dalam Dasar Wawasan Negara adalah berfokus kepada kemiskinan
- A relatif
 - B mutlak
 - C relatif dan mutlak
 - D bandar dan pedalaman
- S46** Pembentukan Kebudayaan Nasional adalah berdasarkan kepada prinsip berikut **kecuali**
- A Islam menjadi unsur penting
 - B asimilasi budaya semua kaum
 - C menerima unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai
 - D berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini.

S47 Tun Dr. Mahathir Mohamad juga dikenali sebagai bapa

- A kemerdekaan
- B perpaduan Malaysia
- C permodenan Malaysia
- D pembangunan Malaysia

Soalan 48 berdasarkan maklumat di bawah

| Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) | | Dasar yang berkaitan | |
|--|--------|----------------------|----------------------------|
| I | RRJP 1 | X | Dasar Wawasan Negara |
| II | RRJP 2 | Y | Dasar Ekonomi Baru |
| III | RRJP 3 | Z | Dasar Pembangunan Nasional |

S48 Padanan manakah yang **betul** antara rangka rancangan jangka panjang dengan dasar yang berkaitan

- A I (Y), II (Z) dan III (X)
- B I (Y), II (X) dan III (Z)
- C I (X), II (Y) dan III (Z)
- D I (Z), II (X) dan III (Y)

S49 Tun Dr. Mahathir Mohamad telah memperkenalkan Wawasan 2020 yang bakal memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju.

Wawasan tersebut diperkenalkan oleh beliau pada

- A 13 Mei 1991
- B 15 Mei 1992
- C 28 Februari 1991
- D 28 Februari 1992

S50 Wawasan 2020 telah diumumkan dalam persidangan pertama Majlis Perniagaan Malaysia dalam kertas kerja bertajuk

- A *A Future of Malaysia*
- B *Malaysia: One Step Ahead*
- C *Malaysia, The Way Forward*
- D *The Way Forward of Malaysia*

- S51** Tema-tema yang berikut pernah digunakan semasa menyambut hari kemerdekaan negara **kecuali**
- A Keranamu Malaysia
 - B Malaysiaku Gemilang
 - C Malaysia Tanahair Tercinta
 - D Negara Kita Tanggungjawab Kita
- S52** Perdana Menteri Malaysia yang ketiga ialah
- A Tun Hussein Onn
 - B Tun Dr. Mahathir Mohamad
 - C Tunku Abdul Razak Hussien
 - D Tun Abdul Rahman Putra al-Haj
- S53** Tun Abdul Razak Hussein juga dikenali sebagai
- A Bapa Kemerdekaan
 - B Bapa Perpaduan Malaysia
 - C Bapa Pemodenan Malaysia
 - D Bapa Pembangunan Malaysia
- S54** Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah dilantik sebagai Menteri Pelajaran dalam kabinet
- A Tun Hussein Onn
 - B Tun Abdul Razak Hussein
 - C Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak
 - D Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
- S55** Isu pembakaran Jalur Gemilang dan penghinaan lagu *Negaraku* adalah beberapa contoh peristiwa yang menunjukkan Malaysia mempunyai _____ daripada dalam negara sendiri.
- A kejayaan
 - B ancaman
 - C kelemahan
 - D perpaduan kaum yang lemah

- S56** Berikut adalah isu yang menjadi ancaman hubungan Malaysia dan Singapura **kecuali**
- A bekal air
 - B tuntutan Pulau Pisang
 - C tuntutan Pulau Perhentian
 - D tuntutan Pulau Batu Putih
- S57** Koridor Raya Multimedia (MSC) merupakan
- A pusat pengeluaran barangan berteraskan teknologi maklumat
 - B pusat latihan sumber manusia berteraskan sains dan teknologi
 - C wilayah bestari yang mengutamakan ciptaan teknologi terkini
 - D kawasan berdaya saing dalam pembangunan teknologi maklumat
- S58** Penggabungan parti-parti politik seperti UMNO, MCA dan MIC membentuk Barisan Nasional adalah satu contoh
- A cabaran negara
 - B kejayaan negara
 - C kelemahan negara
 - D keunggulan negara
- S59** FELDA lahir daripada fikiran dan daya usaha
- A Tun Hussein Onn
 - B Tun Abdul Razak Hussein
 - C Tun Dr Ismail Abd Rahman
 - D Tun Dr Mahathir Mohamad
- S60** Yang manakah dasar yang diwujudkan untuk mengatasi masalah antara sektor swasta dengan sektor awam?
- A Dasar Penswastaan
 - B Dasar Pandang ke Timur
 - C Dasar Perindustrian Negara
 - D Dasar Pensyarikatan Malaysia

S61 Pilih faktor-faktor yang membawa kepada keruntuhan kerajaan Melayu Melaka.

- I Pentadbiran negeri yang kucar kacir
 - II Kegiatan perdagangan yang semakin merosot
 - III Pemerintahan Sultan Mahmud Syah yang lemah
 - IV Permusuhan antara orang Melayu dengan Baba-Nyonya
-
- A I sahaja
 - B II dan III
 - C I, II dan III
 - D I, II, III dan IV

S62 Antara berikut apakah faktor-faktor yang mendorong Singapura menyertai Malaysia?

- I Mengekalkan pertahanan British
 - II Menyekat perkembangan Komunis
 - III Mempercepat proses kemerdekaan
 - IV Mengimbangi penduduk di Singapura
-
- A I dan II
 - B II dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

S63 Pilih susunan peristiwa menuju kemerdekaan yang betul.

- I Sistem Ahli
 - II Merdeka
 - III Malayan Union
 - IV Suruhanjaya Reid
-
- A I, II, III dan IV
 - B I, III, IV dan II
 - C II, I, IV dan III
 - D III, I, IV dan II

S64 Apakah yang dimaksudkan dengan ketertinggian perlembagaan?

- I Undang-undang digubal merujuk kepada Perlembagaan
 - II Undang-undang tertinggi yang dipatuhi oleh pemerintah sesebuah negara
 - III Parlimen berkuasa menggubal undang-undang tanpa merujuk kepada perlembagaan
 - IV Perlembagaan akan dirujuk apabila Parlimen tidak dapat mencapai keputusan tentang sesuatu isu negara
-
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

S65 Manakah pernyataan yang **benar** tentang kuasa Dewan Negara?

- I Menggubal rang undang-undang kewangan
 - II Menangguhkan kelulusan rang undang-undang kewangan selama sebulan
 - III Menangguhkan kelulusan rang undang-undang pendidikan selama setahun
 - IV Meminda rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

S66 Susun prinsip-prinsip Rukun Negara di bawah mengikut susunan yang **betul**.

- I Keluhuran Perlembagaan
 - II Kesopanan dan Kesusilaan
 - III Kepercayaan Kepada Tuhan
 - IV Kedaulatan Undang-undang
 - V Kesetiaan kepada Raja dan Negara
-
- A I, V, IV, II dan III
 - B II, I, III, IV dan V
 - C III, V, I, IV dan II
 - D III, V, IV, I dan II

S67 Antara berikut, manakah yang berkaitan dengan Dasar Wawasan Negara?

- I Melahirkan masyarakat yang liberal dan lantang bersuara
- II Meningkatkan produktiviti melalui peningkatan pengetahuan
- III Menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang berdaya saing
- IV Merapatkan jurang antara sektor swasta dan sektor awam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

S68 Pilih Rancangan Jangka Pendek lima tahun yang terkandung dalam Dasar Ekonomi Baru

- I Rancangan Malaysia Ketiga
- II Rancangan Malaysia Kedua
- III Rancangan Malaysia Pertama
- IV Rancangan Malaysia Keempat

- A I dan II
- B I dan III
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S69 Dasar Pandang ke Timur bertujuan untuk memperlihatkan perubahan dalam agensi kerajaan dari aspek

- I sikap pekerja
- II struktur pentadbiran
- III skim perjawatan pekerja
- IV pembahagian kuasa pentadbiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

S70 Pilih sektor tumpuan dalam Pelan Induk Perindustrian 1

- I Elektrik dan elektronik
- II Pemprosesan makanan
- III Barangan kelapa sawit
- IV Kimia dan petrokimia

- A I dan II
- B I, II dan III
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S71 Kejayaan Malaysia dalam pembentukan negara moden dapat dilihat melalui

- I perpaduan kaum
- II kematangan berpolitik
- III pemantapan sektor ekonomi
- IV pembangunan sains dan teknologi

- A I dan II
- B I dan III
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

S72 Pilih kenyataan yang betul mengenai nasionalisme.

- I Gerakan memperlihatkan kesetiaan kepada tanah air
- II Gerakan yang memperlihatkan kekuasaan atau kekuatan sesuatu bangsa
- III Gerakan kesedaran untuk memperluas identity bangsa kepada pihak lain
- IV Gerakan mendapat kembali kedudukan yang unggul dalam negara sendiri

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

S73 Kurangnya penghayatan terhadap erti nasionalisme kini berpunca daripada

- I pengawasan ibu bapa yang ketat
 - II masyarakat yang bertambah materialistik
 - III kerjasama dan kompromi antara kaum berkurangan
 - IV kurangnya asas pengetahuan sejarah bangsa, agama dan negara
-
- A I dan II
 - B I dan III
 - C I dan IV
 - D II, III dan IV

S74 Yang manakah benar tentang Islam Hadhari?

- I Menekankan pembinaan peradaban
 - II Meningkatkan daya saing umat Islam
 - III Menekankan kebendaan dalam kehidupan manusia
 - IV Memperjuangkan pembelaan hak kumpulan majoriti
-
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

S75 Apakah tujuan Program Latihan Khidmat Negara diadakan?

- I Melahirkan masyarakat yang taat setia kepada negara
 - II Mengelakkan golongan muda terlibat dalam gejala sosial
 - III Memberi peluang kepada masyarakat untuk menjadi anggota tentera
 - IV Melahirkan masyarakat seimbang dari segi intelek, jasmani, rohani dan emosi
-
- A I, II dan IV
 - B I, II dan III
 - C II dan III
 - D III dan IV

S76 Yang manakah benar tentang Program Latihan Khidmat Negara?

- I Program ini diadakan selama 90 hari di kem-kem tentera tertentu
 - II Program ini sama seperti Sistem Kerahan Tenaga di Singapura
 - III Setiap warganegara berumur 18 tahun ke atas diwajibkan mengikuti program ini
 - IV Mereka yang gagal mengikuti program ini akan didenda sebanyak RM 3000 atau penjara selama enam bulan
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

S77 Yang manakah merupakan matlamat kerajaan menggunakan bahasa Inggeris dalam pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik ?

- I Bahasa Inggeris digunakan dengan meluas dalam bidang sains dan teknologi di seluruh dunia
 - II Pengetahuan bahasa Inggeris membolehkan penterjemahan dalam bahasa Melayu bagi bidang sains dan teknologi dilaksanakan
 - III Bahasa Inggeris akan meningkatkan daya saing rakyat Malaysia dalam bidang sains dan teknologi di peringkat antarabangsa
 - IV Penggunaan bahasa Inggeris dalam bidang sains dan teknologi merupakan usaha berperingkat-peringkat kerajaan untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sekolah
-
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

S78 Apakah peranan anda sebagai mahasiswa UTHM dalam memahami dan menghayati aspirasi negara dalam menjayakan konsep Gagasan 1 Malaysia?

- I Mengamalkan integriti dan nilai murni dalam kehidupan seharian
- II Bekerjasama dan berbaik sangka dengan semua rakan-rakan walaupun berlainan etnik
- III Menutup minda pada maklumat yang difikirkan boleh merosakkan keamanan dan keharmonian negara
- IV Membantu pihak-pihak tertentu meluaskan anasir-anasir negatif yang bertujuan untuk merosakkan hubungan kaum di Malaysia

- A I dan II
- B I dan IV
- C III dan IV
- D I, II dan III

S79 Mengapakah hak kerakyatan seseorang boleh dilucutkan?

- I Dijatuh hukuman mati
- II Tidak setia kepada negara
- III Mempunyai kerakyatan negara lain
- IV Berkunjung ke luar negara melebihi satu tahun

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

S80 Antara berikut, manakah perkara sensitif dalam perlembagaan yang tidak boleh dipersoalkan?

- I Agama Islam
- II Pemerintahan beraja
- III Kedudukan bahasa Melayu
- IV Kedudukan Perdana Menteri

- A I, II, dan III
- B I, II, dan IV
- C I, III, dan IV
- D II, III, dan IV